

## Operasi Imigresen di UTC hingga 10 malam

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Mei 23, 2022 @ 7:01pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Orang ramai mendapatkan perkhidmatan Imigresen di UTC Pudu Sentral. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Masa operasi semua Pejabat Imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Semenanjung Malaysia dilanjutkan sehingga jam 10 malam bermula Rabu ini susulan kesesakan yang berlaku berkaitan urusan pasport.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimee Daud, berkata langkah itu diambil sebagai usaha berterusan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan berkaitan pasport.

Jabatan Imigresen (Imigresen) menyedari bahawa masih terdapat kelemahan dalam proses pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) walaupun beberapa penambahbaikan sudah dibuat sebelum ini.

"Justeru, semua Pejabat Imigresen di UTC di Semenanjung Malaysia akan beroperasi hingga jam 10 malam mulai 25 Mei (Rabu) ini.

"Bagaimanapun, pejabat UTC di Perlis, Terengganu dan Pahang hanya beroperasi sehingga jam 6 petang kerana jumlah permintaan PMA yang masih rendah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Khairul Dzaimee berkata, pemanjangan waktu operasi UTC itu adalah tambahan kepada waktu operasi pejabat-pejabat pengeluar PMA yang dibuka sehingga jam 10 malam dan hari Sabtu, seperti yang diumumkan sebelum ini.

"Orang ramai diminta untuk sentiasa merujuk kepada maklumat terkini yang terdapat dalam portal rasmi dan media sosial rasmi JIM bagi mengelakkan berlakunya kesesakan di kaunter-kaunter PMA khususnya di waktu pagi," katanya.

Khairul Dzaimee sebelum ini mengumumkan Imigresen melanjutkan waktu operasi enam pejabatnya iaitu di Putrajaya, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka sehingga jam 10 malam untuk mengatasi kesesakan berikutan peningkatan mendadak permintaan untuk urusan pasport.